



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	24/6/2021	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

Penduduk melopong kebun diserang gajah

KEMAMAN - Seramai 151 peserta Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) Kampung Ban Ho, Cherul di sini, bimbang selepas kebun buah-buahan mereka kerap diceroboh sekumpulan gajah sejak sebulan lalu.

Dalam kejadian terbaharu dua minggu lalu, lapan peserta projek berputih mata apabila tanaman yang sudah matang dan menunggu masa untuk dituai dimusnahkan haiwan itu.

Seorang peserta, Tengku Mohamad Tengku Chik, 70, berkata, kira-kira 900 batang pokok pisang yang diusahakan di atas tanah seluas empat hektar musnah melibatkan kerugian lebih RM40,000.

"Selain itu, sebahagian tanaman nanas yang saya usahakan juga musnah dipijak sekumpulan gajah liar.

"Tidak dapat digambarkan perasaan sedih saya melihat tanaman yang diusahakan dengan titk peluh sendiri musnah tanpa sempat menikmati hasilnya," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut warga emas itu, dia buntu dengan kejadian

pencerobohan kumpulan gajah itu kerana tidak mempunyai modal pusingan untuk meneruskan aktiviti pertanian yang diusahakannya.

Sementara itu, Pengurus Projek RTB Kampung Ban Ho, Abdul Rahman Daud merayu agar tindakan segera diambil oleh pihak berwajib bagi menyelesaikan masalah serangan gajah liar di kawasan tersebut.

"Saya memohon pihak yang berkenaan supaya memasang pagar elektrik atau kaedah lain yang bersesuaian bagi menghalau gajah-gajah liar daripada memasuki kebun kami.

"Pencerobohan ini bukan sahaja memusnahkan tanaman, malah mengancam nyawa kami (penduduk)," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr. Abdul Malek Mohd. Yusof memberitahu, tindakan menghalau kumpulan gajah liar ke habitat asal di kawasan hutan berhampiran telah dilakukan baru-baru ini.

"Kawalan akan diteruskan agar kejadian sama tidak berulang lagi," katanya.



ABDUL RAHMAN (kiri) dan Tengku Mohamad menunjukkan pokok pisang yang musnah diserang gajah liar di Kemaman, Terengganu.